

**TEKS UCAPAN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN THE 1st NATIONAL CONFERENCE ON  
ACTIVE LEARNING**

*10 Disember 2011 (Sabtu), 12.00 tengah hari  
Dewan Konvensyen, Kampus Bandar*

1

*Bismillahirrahmanirrahim*

Terima kasih kepada pengacara majlis

**i) SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Mohd Nor bin Hussain  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Engr. Prof Dr. Marizan bin Sulaiman  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

2

Profesor Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Prof. Madya Dr. Majid bin Konting  
Timbalan Pengarah (Pengajaran & Pembelajaran)  
Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)

Yang Dihormati Penceramah ucaptama,  
Prof. Tan Oon Seng  
Nanyang Technological University (NTU)

Prof. Dr. Mohamed Amin bin Embi,  
Pengerusi Majlis e-Learning IPTA (MEIPTA)

Prof. Dr. Rozhan bin Mohammed Idrus, Universiti Sains Malaysia

3

Yang Berusaha, Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan  
Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)  
merangkup Pengerusi JK NCAL 2011

Wakil-wakil dari Majlis Kerjasama Ketua-ketua Pusat Pengajaran  
dan Pembelajaran IPTA Malaysia (MAGNETIC)

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

Pembentang Kertas Kerja, Peserta Persidangan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
Dan Salam 1 Malaysia*

4

## **ii) KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita berhimpun bersempena penganjuran National Conference on Active Learning 2011(NCAL 2011).
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua tetamu yang dapat hadir. Saya yakin pertemuan hari ini amat bermakna di samping kita bertukar pandangan dan berkongsi ilmu pengetahuan untuk kebaikan bersama.
- 3.NCAL 2011 yang bertemakan "Active Learning Strategies : Transformation in Educational Innovation", mempunyai harapan untuk **menggalakkan kepada perubahan penambahbaikan berterusan dalam pembelajaran dan pengajaran**. Ianya diharap menjadi pintu gerbang untuk perkongsian ilmu pengetahuan melalui kerjasama dan integrasi terutamanya dalam dunia tanpa sempadan masa kini, selaras dengan sistem pendidikan tinggi di Malaysia yang mengimplementasikan Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE). Saya pasti persidangan ini akan menjadi pentas pertukaran intelek di kalangan ahli akademik yang akan memberi manfaat kepada peserta secara keseluruhannya.

### **iii)KUPASAN ISI**

Hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Dalam dunia yang kompetitif, harapan masyarakat terhadap graduan yang bakal dilahirkan Institusi Pengajian Tinggi terus meningkat. Graduan bukan sahaja diharap untuk menjadi pakar dalam bidang masing-masing, malah masyarakat menantikan lahirnya **insan-insan yang syumul dalam semua aspek** termasuklah kemahiran insaniah, beretika dan terus-menerus belajar hingga ke akhir hayat. Penguasaan terhadap ilmu yang dipelajari pula diharapkan bukan setakat menghafal, malah **mengamalkan dan menilai**.

7

5. Yang pastinya dengan penyampaian berteraskan pembelajaran aktif yang lebih berstruktur, bukan sahaja pelajar akan lebih faham tentang isi kandungan ilmu yang disampaikan, malah mereka dapat mengambil manfaat daripada proses pembelajaran tersebut. Proses pembelajaran aktif melibatkan ciri-ciri kemahiran insaniah seperti kerjasama berkumpulan, kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi dan pembelajaran berterusan. Dengan ini pelajar mendapat **dua dalam satu, kecemerlangan akademik dan kemahiran insaniah**. Secara tidak langsung, semua kehendak masyarakat yang dibincangkan tadi dapat dicapai dengan berlangsungnya pembelajaran aktif.

8

6. Kaedah pembelajaran aktif ini bukanlah perkara baru, malah ia menjadi amalan pelajar bermotivasi tinggi dari dahulu hingga sekarang. Ia berlaku secara semula jadi tanpa mereka sedari. Secara idealnya jika ini berlaku, pendidik tidak perlu untuk memikirkan tentang pembelajaran. Namun realitinya, lebih ramai pelajar yang kurang motivasi dan mereka ini tidak harus kita tinggalkan. Maka **pembelajaran aktif perlu dijalankan dengan lebih berstruktur** dan melibatkan semua kategori pelajar serta disokong oleh para pendidik.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

7. Dengan manfaat pembelajaran aktif yang dinyatakan, seharusnya pendidik yang mengambil berat tentang anak didik mereka

9

perlulah menggunakan kaedah tersebut dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. **Dengan berlangsungnya kaedah pembelajaran aktif, peranan pendidik tidak terhenti sebagai penyampai.** Pendidik bukan sahaja perlu memikirkan kandungan ilmu yang hendak disampaikan, malah perlu memikirkan tentang proses pembelajaran yang bakal dilaksanakan. Lebih banyak persiapan perlu diuruskan, lebih banyak pentafsiran yang perlu dijalankan, lebih banyak persoalan pelajar yang perlu dilayan. Ditambah dengan tanggungjawab pensyarah yang sedia mencabar, pembelajaran aktif dilihat membebankan lantas dipandang dingin.

8. Ada pendidik yang cuba mengamalkannya pula tidak dapat memberikan 100% tumpuan kerana kurang kefahaman, kurang

koordinasi atau pun kerana kekurangan masa. Kesannya, yang dikehjarnya tak dapat, yang dikendong bercinciran. Pelajar mula merungut kerana berasa terbiar ataupun kerana sudah mula terpaksa menggunakan minda mereka. Pelajar mula terasa terbeban, kerana waktu rehat mereka mula kurang kerana diganti dengan pelbagai tugas pembelajaran aktif. Pendidik pula mula berfikir dua kali untuk mengamalkan pembelajaran aktif kerana pasti dinilai teruk oleh pelajar.

9. Semoga dengan berlangsungnya persidangan NCAL 2011 ini, pelbagai persoalan berkaitan pembelajaran aktif dan perkara yang berkaitan dengannya dapat dikongsi bersama dan dibincangkan. Sehingga akhirnya dapat kita menjawab

11

persoalan utama iaitu pendidik telah mengajar, tapi adakah pelajar telah memahami? Semoga jawapannya YA.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

10. Sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pengajur bersama, AKEPT, MIEPTA dan Magnetic serta kerja keras ahli jawatankuasa persidangan yang terdiri daripada Active Learning Team kerana telah berjaya menganjurkan persidangan ini. Kepada semua peserta yang datang dari jauh, saya ucapkan selamat bersidang dan bercuti di Melaka Bandaraya Bersejarah.

12

11. Akhir kata, dengan lafaz *Bismallahirrahmanirahim*, saya dengan ini merasmikan persidangan pembelajaran aktif, NCAL 2011.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.